

MENYEMAI DAN MEMBANGUN AKAR KERUKUNAN BANGSA: SEKILAS PANDANG SELEPAS PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU

Mohamed Ali Haniffa
Universiti Utara Malaysia
Email: m.ali@uum.edu.my

Mohd Kasri Saidon
Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia
Email: kasri@uum.edu.my

Zolkefli Bahador
Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia
Email: zolkefli@uum.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan mengenai langkah segera yang dilaksanakan dalam membina kembali Tanah Melayu yang bergolak selepas Perang Dunia Kedua. Penjajahan membawa kepada pembentukan pola masyarakat majmuk dan menjadi salah satu ciri keunikan yang dimiliki oleh Malaysia. Segregasi yang dicituskan berikutan penjajahan diterjemahkan dalam bentuk pergeseran kaum selepas pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu. Menyemai dan membangun kerukunan bangsa menjadi prioriti dan agenda segera yang dilaksanakan. Ini diikuti dengan permuafakatan ekonomi dan kerjasama sosial bagi membina rasa kekitaan. Tumpuan penelitian dalam artikel ini ialah mengenai usaha yang dilakukan oleh *British Military Administration* (BMA), Raja-Raja Melayu dan pemimpin setiap kaum dalam menyemai serta membangun kerukunan. Perbincangan dan penulisan bersandarkan kepada kaedah penyelidikan kepustakaan melibatkan dokumen pejabat kolonial, fail Arkib Negara Malaysia, cawangan serta sumber sekunder yang lain. Hasil penelitian mendapati bahawa kebijakan dan usaha segera yang dilaksanakan berjaya membina kerukunan serta perpaduan dalam kalangan penduduk di Tanah Melayu. Ini menjadi sebahagian rencana penting dalam usaha merintis jalan ke arah kemerdekaan tanah air.

Kata kunci: Perang Dunia Kedua, Tanah Melayu, *British Military Administration* (BMA), Raja-Raja Melayu

1. Pengenalan

Akar kekuatan dan kerukunan bangsa pada hari ini dibina atas kompromi yang dimeterai sejak sekian lama. Kekuatan dan kekayaan yang dimiliki oleh Tanah Melayu menyebabkan tanah bertuah ini menjadi tumpuan sebagai lokasi utama penghijrahan. British datang ke Tanah Melayu untuk meneroka keadaan di Tanah Melayu yang boleh digunakan oleh pemerintah mereka bagi meluaskan kepentingan imperialismenya (Azmi Arifin, 2023). Negeri-negeri Melayu mengalami transformasi ekonomi yang cepat berikutan kepesatan aktiviti perdagangan di Negeri-negeri Selat iaitu Melaka, Singapura dan Pulau Pinang. Industri bijih timah menjadi nadi utama dan hal yang demikian menjadikan pada tahun 1835 hingga 1836, Singapura mengimport sebanyak 4,616 pikul bijih timah secara langsung dari Negeri-negeri Malayu Pantai Barat (Abdullah Abdul Hamid, 2020). Bagi tempoh masa 1836 hingga 1837, Singapura mengimport sebanyak 5,714 pikul bijih timah dari Pulau Pinang (Khuo Kay Kim, 1984). Perubahan drastik turut mewarnai landskap Tanah Melayu apabila teretusnya Revolusi Perindustrian di Eropah. Pertumbuhan dan pelaburan di Tanah Melayu berlaku dalam dua fasa iaitu antara 1800 hingga 1850 dan 1895 hingga 1920 (John H. Drabble, 2000). Penghijrahan imigran Cina dan India ke Tanah Melayu serta penjajahan yang berpanjangan turut mengubah sosiopolitik orang Melayu. Kebanjiran imigran melahirkan kerencaman kaum seperti yang wujud kini. Situasi tersebut menjadi buruk berikutan pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu yang mencetuskan persengketaan kaum (WO 203/3994, 19 Julai 1945). Formula bagi membina semula kerukunan kaum ialah melalui semangat kekitaan dan persaudaraan yang cuba untuk

digembleng. Usaha tersebut dilakukan melalui perundingan, kerjasama ekonomi dan sosial (Mohamed Ali Haniffa, etl., 2023).

2. Metodologi kajian

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam membincangkan beberapa persoalan yang dilontarkan. Hal yang demikian menyebabkan metode penyelidikan kepustakaan melibatkan analisis sumber primer dari Pejabat Kolonial dan fail arkib digunakan. Dokumen dari *War Office Record*, *Colonial Office Record* dan *British Military Administration* turut diteliti. Sumber sekunder meliputi buku-buku, akhbar dan laman sesawang turut digunakan. Kepelbagaian metode yang digunakan diharapkan dapat merungkai persoalan yang dibincangkan.

3. Pendudukan Jepun dan Ketegangan Hubungan Kaum

“Gerakan ke Selatan” adalah menjadi agenda tentera Jepun dalam usaha menawan Tanah Melayu sejak tahun 1936 lagi (Mohd Isa Othman, 2002). Kekangan Ketika zaman kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1930-an menyebabkan negara Jepun menghadapi masalah mendapatkan bahan mentah secara berterusan. Kekayaan Tanah Melayu sebagai pengeluar bahan mineral seperti bijih timah menarik minat tentera Jepun menduduki Tanah Melayu. Penglibatan tentera Jepun dalam misi ketenteraan di China dan Indo-China memberikan kelebihan kepada mereka dalam strategi menduduki Tanah Melayu. Penawanan Tanah Melayu dan Singapura merupakan kekalahan ketenteraan yang paling dahsyat dalam sejarah pertahanan Britain (Paul H. Kratoska, 1997). Bagi mendapatkan sokongan, slogan “*Asia untuk orang Asia*” dicanangkan oleh tentera Jepun (*Syonan Sinbun*, 20.6.1943).

4. Komunis dan Asal Mula Pergeseran Kaum

Keharmonian hubungan kaum yang dibina sejak sekian lama akhirnya tercalar selepas pengunduran tentera Jepun dari Tanah Melayu. Tipu muslihat yang ditabur oleh PKM menyebabkan ramai dalam kalangan orang Melayu yang memberikan sokongan pada peringkat awal. Mereka dijanjikan ruang untuk memerdekakan tanah air. Hal yang demikian berubah apabila orang Melayu dizalimi kerana tidak membayar cukai perlindungan. Oleh kerana majoriti pengikut PKM ialah orang Cina maka orang Melayu yang telah dizalimi membuat tafsiran bahawa “komunis itu Cina dan Cina itu komunis” (Cheah Boon Kheng, 1981). Kekalahan tentera Jepun memberikan ruang pemerintahan selama 14 hari kepada PKM. Justeru itu, Bintang Tiga mentadbir Tanah Melayu berdasarkan “Undang-undang Komunis”. Pergeseran kaum yang melibatkan etnik Melayu dan Cina meletus di Ayer Hitam, Johor pada 20 Jun 1945 serta diikuti pada 21 Jun 1945 di Parit Kuman, Mukim Sungai Balang (SUKJ. 6203/1945, 12 November 1945). Rasa kurang senang berlaku juga hampir di semua lokasi Tanah Melayu. Antaranya ialah di Sungai Manik yang dikenali sebagai “Kebangkitan Banjar” (*Mingguan Malaysia*, 11 Mac 1984).

Kejadian serangan balas dan rasa tidak puas hati terus berakar umbi. Hal yang demikian menyebabkan pada 6 November 1945, dalam satu serangan balas, sekumpulan orang Melayu seramai 300 hingga 400 orang menyerang orang Cina di Padang Lebar, Kuala Pilah. Konflik Melayu-Cina terus berlarutan di Batu Talam, Raub, Pahang pada pagi hari Isnin 11 Februari 1946 di kawasan pasar Cina Batu Malim (WO 172/9773). Walau bagaimanapun, beberapa siri perundingan antara orang Melayu dan Cina telah diadakan (*Seruan Ra'ayat*, 7 Januari 1946). Serang hendap juga berlaku pada 6 Mac 1946 di Kampung Bekor, Kuala Kangsar Perak. Serangan tersebut mengakibatkan seramai

hampir 99 orang menjadi mangsa. Rasa prejudis terus berlarutan ke serata pelusuk Tanah Melayu selepas pendudukan Jepun sehingga kepada pengisytiharan kemerdekaan negara.

5. Menyemai Kerukunan

Langkah segera yang telah dilaksanakan oleh British ialah menjalankan perundingan dalam kalangan orang Melayu dan Cina. Orang Melayu khususnya, mengalu-alukan kehadiran British dengan mengharapkan pentadbiran baharu akan membawa perubahan khususnya dalam mendapatkan sumber makanan, pakaian dan tempat tinggal berbanding ketika zaman pendudukan Jepun (*WO 172/1778 [239]*). Oleh yang demikian, *Malaya Handover-Committee* dibentuk bagi memulihkan dan membentuk struktur selepas perang di Tanah Melayu (*WO 172/1795 [41]*).

5.1 War Crimes Investigation Team (WCIT)

Membendung prasangka dan menyemai kepercayaan turut menjadi agenda BMA. Tindakan menyiasat dan menjatuhkan hukuman dilakukan oleh British sebagai menunjukkan kecaknaan serta keprihatinan. *War Crimes Investigation Team* (WCIT) dibentuk oleh BMA di Johor pada pertengahan tahun 1945. Pemimpin orang Cina diminta memberikan bukti tali barut yang disyaki menganiaya mereka ketika pendudukan Jepun. Menjelang penghujung tahun 1946, orang Cina di Batu Pahat menyediakan rekod mengenai maklumat pendudukan Jepun (*CAJ 134/46 [13]*). Mulai tahun 1946 individu yang disyaki terlibat dalam pergaduhan Melayu-Cina mula dihadapkan ke mahkamah (*CO 273/675/12 [22]*). Tindakan menangkap dan menjatuhkan hukuman selepas Perang Dunia Kedua dilakukan oleh BMA berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada orang ramai [*WO 172/1796 (145)*].

BMA melalui WCIT bergerak hampir ke seluruh negeri Johor bagi mengumpulkan maklumat mengenai kezaliman yang dialami ketika pendudukan Jepun. Surat juga dihantar kepada pertubuhan Cina di Batu Pahat, Muar, Segamat, Kota Tinggi, Kluang dan Johor Bahru untuk melaporkan bilangan orang Cina yang terkorban akibat dibunuh oleh tentera Jepun di antara tahun 1942 hingga 1945 (*CAJ 46/46 (14), 3 September 1946*). Usaha juga dilakukan bagi memulihkan kepercayaan antara orang Melayu dan Cina. Dalam kejadian pergaduhan Melayu-Cina di Batu Malim, Raub, Pahang, orang Cina menyalahkan British kerana membiarkan orang Melayu merusuh. Tun Abdul Razak memandang serius tohmahan Persatuan Peniaga Cina Raub terhadap orang Melayu. Kaum keluarga mangsa, khususnya anggota-anggota Wataniah telah menghubungi Tun Abdul Razak untuk berusaha membebaskan mangsa daripada hukuman mati (Nik Anuar, Muhammad dan Abd. Ghapa, 2011).

Tun Abdul Razak telah mendapatkan perkhidmatan seorang peguam muda dari Johor iaitu Sardon Haji Zubir (Cecilia Tan, 1986). Pada 10 Julai 1946, kesemua 32 orang Melayu yang dituduh menimbulkan pergaduhan telah didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman gantung. Walau bagaimanapun, Dato' Lela Setia Tengku Abdul Hamid bin Tengku Kudin, Naib Yang Dipertua Persatuan Melayu Pahang cawangan jajahan Raub mengemukakan rayuan kepada Sultan Abu Bakar. Hasil daripada rayuan tersebut, Yeop Yahya bin Uda Abdul Raffar, Abdul Wahab bin Jais, Haji Kassim bin Arbi, Mohd Jilas bin Ludin dan Salleh Ludin bin Abdul Raffar dijatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun. Abu Jamal bin Haji Ahmad Pilus, Haji Musa bin Mintar dan Tapi bin Radiman dikenakan penjara selama 10 tahun. Selebihnya orang Melayu yang terlibat dalam pergaduhan Melayu-Cina dijatuhkan hukuman penjara antara tiga hingga empat tahun (Nik Anuar, Muhammad dan Abd. Ghapa, 2011).

5.2 Raja-Raja Melayu

Kekuatan dan kesetiaan bangsa Melayu terletak pada Raja. Ini membolehkan orang Melayu mudah menerima arahan daripada pemimpin dan agenda membina kembali keharmonian dapat diberikan perhatian serius. British mengambil pendekatan berjumpa dan berunding dengan pemimpin orang Melayu. Tindakan tersebut dilakukan oleh Willam apabila beliau berjumpa dengan sultan bagi mendapatkan pandangan antara 8 hingga 29 September 1945 (A.J. Stockwell, No. 8). Ini ditegaskan lagi oleh Ralph Hone dalam sepucuk surat kepada Konsul Jeneral Republik China, Singapura. Intipati utamanya ialah mengenai kesediaan pemimpin Melayu dan Cina untuk berbincang serta bekerjasama dalam memulih serta mengekalkan keamanan.

Mesyuarat tersebut diadakan atas inisiatif *Anti Japanese Union Force* (AJUF) dan dihadiri oleh seramai 500 orang termasuk 15 orang wakil orang Melayu dan 10 orang wakil orang India. Keanggotaan jawatankuasa yang mengandungi wakil pelbagai bangsa diharapkan dapat menjadi penghubung dalam menyelesaikan isu yang melibatkan kepentingan semua kaum. Mesyuarat tersebut secara sebulat suara menyatakan pendirian mengenai keperluan mengekalkan keamanan dan kemerdekaan. Semua kaum di Tanah Melayu adalah bersaudara dan mereka perlu berganding bahu bagi melaksanakan kerja pemulihan selepas perang.

Berikutan itu Kapten L.D. Gammans melawat Tanah Melayu pada Mac 1946 (*MU 620/46 (14A[1])*). Bagi menjernihkan semula keadaan, Lord Milverton memperkukuhkan kenyataan bahawa orang Cina di Tanah Melayu perlu menganggap diri mereka sebagai sebahagian daripada entiti "*Malayanising*" (*CAJ. 35/49 [11]*). Hal yang demikian bermaksud bahawa kesetiaan orang bukan Melayu perlu dipupuk terhadap Tanah Melayu bagi meningkatkan semangat persaudaraan.

Jawatankuasa Penasihat Orang Cina Perak mengadakan perjumpaan pada 18 November 1945. Bagi membina semula kerukunan, Tuanku Sultan Perak menitahkan agar pandangan daripada komuniti Cina dan wakil setiap daerah dikumpul serta disalurkan kepada kerajaan (*CO 537/5985 [3A]*). Situasi yang sama juga diusahakan oleh pemimpin masyarakat sama ada orang Melayu atau Cina dalam menyelesaikan isu perkauman di Parit Jawa dan Batu Pahat, Johor. Pemimpin masyarakat Cina merasakan bahawa isu perkauman ini perlu ditangani secara berhemah. Justeru itu, satu mesyuarat diadakan pada bulan Februari 1946 dengan menjemput seramai 15 orang wakil orang Melayu dan Cina. Mesyuarat tersebut diadakan atas permintaan orang Cina, dan mendapat kebenaran CAO (*SUKJ. 6203/1945 (58)*, 30 Mac 1946).

Sultan Alam Shah dari Selangor ketika dikunjungi MacMicheal pada 23 Oktober 1945 bagi mendapatkan tandatangan persetujuan menerima gagasan Malayan Union, mengenakan empat syarat penting. Antaranya ialah pelantikan wakil British, di samping orang Melayu dalam jawatankuasa memulihkan hubungan antara kaum (A.J. Stockwell, No.8). Berikutan itu perjumpaan Jawatankuasa Rakyat Selangor yang terdiri daripada orang Cina, India, Melayu dan lain-lain kaum diadakan pada 16 November 1945, jam 10 pagi bertempat di Dewan Perhimpunan China Kuala Lumpur. Fokus utama ialah Kedua kaum diminta mewujudkan kerjasama bagi memulihkan keamanan dan mengekalkan peraturan (*Seruan Ra'ayat*, 17 November 1945:2).

Rundingan tersebut adalah menjadi titik tolak penting kepada usaha memulihkan keharmonian kaum. Majlis perundingan juga memutuskan penubuhan jawatankuasa perundingan di peringkat daerah (*Seruan Ra'ayat*, 18 November 1945:1). Usaha yang ikhlas ini dapat dibuktikan apabila atas rayuan Jawatankuasa Pembantu Kuala Pilah, Jawatankuasa Rakyat Selangor mengutip derma bagi membantu mangsa pergaduhan Melayu-Cina di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Di negeri Pahang, Persekutuan Orang Ramai Ulu Pahang yang dianggotai oleh komuniti Melayu, Cina dan India ditubuhkan pada 18 Disember 1945 untuk memperbaiki sosioekonomi serta membantu kerajaan bagi membina negeri agar pulih seperti sedia kala. Sultan Pahang berperanan penting menjalankan usaha memulihkan keamanan dengan memberikan amanat kepada Ketua Kampung dan Penghulu. Baginda turut berangkat ke Kuala Lipis, Pahang dan memberikan peringatan agar tidak lagi berlaku pergaduhan di antara orang Melayu dan Cina (*Seruan Ra'ayat*, 29 Disember 1945:2). Keprihatinan Tuanku Sultan Perak diterjemahkan apabila baginda mengadakan lawatan dan pemantauan ke beberapa daerah bagi memastikan tiada berlaku pergaduhan Melayu-Cina. Pada Disember 1945, baginda melawat Parit, Telok Anson pada 5 Januari 1946, Dinding pada 15 Februari 1946, dan pada 10 Julai 1946 ke Hilir Perak untuk berjumpa dengan pemimpin setempat (*MU*. 1227/1947 [1A]).

5.3 Jawatankuasa Hubungan Kaum

Punca berlaku keretakan hubungan kaum dikenal pasti dan tindakan segera dengan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Kaum dilaksanakan. *Perak Communal Relation Committee* (PCRC) dibentuk sebagai perantara dalam mencari jalan penyelesaian mengenai hubungan di antara orang Melayu dan Cina. Ini membawa kepada pertemuan yang diadakan di Bota, Lambor dan Layang-layang antara wakil PCRC dengan penduduk Melayu pada 9 Mei 1946. Perjumpaan di Bota dihadiri oleh penghulu dan penolong penghulu dari beberapa buah mukim yang berhampiran serta seramai 400 orang penduduk tempatan. Leong Lin yang dilantik sebagai pengerusi bersama PCRC memberikan beberapa penjelasan mengenai keperluan untuk bekerjasama. Orang Melayu dan Cina diminta untuk memikirkan mengenai kepentingan membina kehidupan pada masa hadapan (*DOLP*. 60/45, (19) in Parit, 81/46).

PCRC juga memohon BMA memberikan perhatian serius khususnya dalam memastikan kedua etnik tidak terlibat dalam pergaduhan. Ini membawa kepada tindakan susulan BMA yang mengadakan perjumpaan secara berkala. Di Kuala Kangsar, Perak mesyuarat bersama ketua kampung dan penghulu diadakan dua kali sebulan pada setiap hari Khamis (SUK. PK. 703/47 [22]). Usaha murni tersebut juga dimulakan di negeri-negeri lain. Mesyuarat di antara Pegawai Daerah Pontian, Ketua Polis Batu Pahat dan Tin Che Liow, pemimpin Persatuan Cina Seberang Laut, Pontian, pemimpin Persatuan Cina Benut, ketua orang Melayu dan beberapa orang pemimpin Cina di Benut diadakan pada 6 April 1949 berikutan pergaduhan Melayu-Cina di Benut (*CAJ* 35/49 (5[2]), 11 April 1949). Bagi memastikan ketenteraman, pegawai polis dari Cawangan Khas, Johor turut mengadakan rondaan di Benut pada 28 Mei 1949.

Komitmen setiap etnik dalam membina kerukunan terserlah apabila pada 29 Mei 1949, diadakan mesyuarat oleh Penghulu Parit Jawa di Pertubuhan Cina, Parit Jawa. Mesyuarat berkenaan dihadiri oleh pemimpin Melayu-Cina dan dipengerusikan oleh Penghulu Parit Jawa. Antara persetujuan yang dicapai ialah pembentukan *Neighbourhood Policing System* bagi mengekalkan ketenteraman. Mesyuarat juga mencapai persetujuan bagi melantik orang Cina sebagai ketua kampung di mukim yang majoriti penduduknya terdiri dalam kalangan orang Cina. Peranan Dato' Onn Jaafar juga amat signifikan sebagai perantara yang bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan semua penduduk tanpa mengira agama serta bangsa (Chamil Wariya, 2008:83).

5.4 Communities Liaison Committee (CLC)

Communities Liaison Committee (CLC) menjadi wadah penting selepas pergeseran kaum bagi menyemai bibit kerukunan. Matlamat utamanya ialah untuk membentuk hubungan baik dan persefahaman antara pelbagai kaum di Tanah Melayu (R.K. Vasil, 1980). Usaha murni ini bermula pada Ogos 1948 apabila Dato' Onn Jaafar mendapat jemputan ke jamuan makan malam daripada

Malcolm MacDonald. Dalam pertemuan dan perbincangan tersebut, Malcolm MacDonald mencadangkan agar Dato' Onn Jaafar sebagai pemimpin Melayu ketika itu berunding dengan pemimpin bukan Melayu bagi mencari solusi memulihkan keharmonian kaum di Tanah Melayu. Hal yang demikian membawa kepada pertemuan berikutnya di kediaman beliau di Istana Bukit Serene, Johor Bahru, Johor, pada 29 Disember 1948. Pertemuan tersebut berjaya menghimpunkan seramai 21 orang pemimpin kaum dari Tanah Melayu dan Singapura. Ini diikuti pula dengan perbincangan di *Lunar Club*, Pulau Pinang pada 9 Januari 1949. Fokus utama perbincangan berkisar terhadap persoalan ekonomi dan politik yang melibatkan orang Melayu serta Cina dengan matlamat akan wujud persetujuan bersama melibatkan orang Melayu dan Cina. *Communities Liaison Committee* (CLC) dibentuk pada 9 Januari 1949 dan menjadi sebahagian usaha bagi menjalin kerukunan antara kaum.

Idea awalnya bermula dengan pembentukan *Sino Malay Goodwill Committee* dibentuk yang bertujuan membolehkan pemimpin pelbagai membincangkan bersama punca perselisihan kaum dan mencari jalan menyemai kerukunan (CO 717/183/2 [48-49]). Jawatankuasa CLC dianggotai seramai lima orang pemimpin Melayu, empat pemimpin Cina dan empat pemimpin kaum lain. E.E.C. Thuraisingham yang merupakan wakil orang Ceylon dilantik sebulat suara menjadi Pengerusi Jawatankuasa manakala Malcolm MacDonald bertindak sebagai pegawai perantara kepada jawatankuasa berkenaan. Nama jawatankuasa tersebut ditukar menjadi *Communities Liaison Committee* (CLC) pada April 1949, berikutan penambahan ahli dari komuniti lain selain Melayu dan Cina. Keputusan ini diambil setelah diadakan perjumpaan CLC di Kuala Lumpur pada 19 April 1949.

5.5 Pemulihan Ekonomi

Pemulihan ekonomi selepas Perang Dunia Kedua menjadi perhatian serius. Kemusnahan yang dialami menyebabkan British mengalami defisit dalam mendapatkan hasil dari Negeri-negeri Melayu. Tindakan segera yang dilakukan ialah apabila seramai 87 orang penanam getah, pelombong bijih timah dan jurutera dihantar ke Singapura dari United Kingdom dan India bagi memulihkan semula ekonomi Tanah Melayu (*SCAO Pahang*, 62/1946 [3]). BMA juga masih mempunyai pengaruh dan kawalan kawalan ke atas semua jabatan di Tanah Melayu (*BMA/SCAO.J*, 6126/1945 [1]). Justeru itu, British menggunakan kesempatan yang ada untuk menyebarkan propaganda khususnya kepada orang Melayu bagi memulihkan kembali imej British selepas perang (*MU. SEC. 2037/46* [3]).

Usaha memulihkan semula ketuanan Melayu adalah proses yang rumit dan secara berterusan. Dalam hal ini, Dato' Onn Jaafar mengemukakan beberapa cadangan dalam mesyuarat yang diadakan pada 27 Oktober 1948 dan 2 November 1948 (Mohamed Ali Haniffa, 2016). Antaranya ialah memohon pelantikan orang Melayu sebagai Timbalan Pesuruhjaya Tinggi dan agenda pemulihan ekonomi orang Melayu diberikan prioriti. Usaha tersebut membuahkan hasil apabila geran bantuan berjumlah 10 juta disalurkan bagi penubuhan Agricultural Loan Bank. Bagi membina semula keyakinan sesama etnik di Tanah Melayu, Dato' Onn Jaafar mencadangkan pelantikan orang Cina dalam Malayan Civil Service (MCS) (CO 537/3759, 68).

5.6 Rukun Negara Dan Akar Kerukunan Bangsa Malaysia

Manifestasi cintakan negara dipamerkan melalui keterlibatan dan sumbangan warga masyarakat secara langsung atau sebaliknya dalam proses pembangunan negara. Formula perpaduan kaum selepas kemerdekaan negara diuji berikutan meletus peristiwa 13 Mei 1969. Tragedi ini membuka mata dan menyedarkan masyarakat Malaysia mengenai kerapuhan hubungan kaum serta kepentingan hidup bersatu padu. Walaupun pelbagai persepsi dilontarkan namun masih terdapat kekurangan rencah perpaduan kerana negara masih terlalu baharu mencapai kemerdekaan. Bagi membina dan mempertautkan kembali keharmonian kaum, Rukun Negara diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan

Agong Keempat, Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah pada 31 Ogos 1970 bersempena Sambutan Kemerdekaan Ke-13 (Hasnah Hussiin, 2022). Prinsip ini dirangka hasil rundingan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang mengandungi lima prinsip. Rukun Negara adalah set prinsip kebangsaan ideal yang bermatlamat memupuk perpaduan dan menyeragamkan fahaman dalam kalangan pelbagai kelompok etnik. Tujuan utamanya ialah untuk membentuk perpaduan yang mantap. Berlandaskan cita-cita dan aspirasi dalam Rukun Negara, rakyat Malaysia perlu bertindak sebagai satu keluarga serta berusaha mengekalkan keharmonian dan perpaduan demi kejayaan serta kestabilan negara.

Usaha murni Kerajaan dilaksanakan melalui penubuhan pelbagai institusi bagi menguruskan hal ehwal perpaduan. Pada 10 Mac 2020, kerajaan menubuhkan Kementerian Perpaduan Negara bagi menggalas tanggungjawab untuk menggerakkan agenda perpaduan negara dengan lebih bersepadu dan tersusun. Prinsip Rukun Negara, mendukung cita-cita mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya dan memelihara satu cara hidup demokratik. Lima prinsip Rukun Negara perlu dijiwai oleh rakyat Malaysia bagi mencipta dan mengupayakan masyarakat agar kemakmuran negara dapat dinikmati secara adil serta saksama.

Walau bagaimanapun, dalam membina kerukunan, pelbagai cabaran pasti wujud dalam usaha mengupayakan prinsip Rukun Negara. Ketidakprihatinan tersebut diterjemahkan dalam bentuk provokasi dan ketidak patuhan terhadap sistem pentadbiran negara. Kegagalan membentuk barisan pelapis negara akan menjadikan agenda pembangunan negara menjadi rencam dan tergendala. Mengupayakan pemahaman Rukun Negara dalam kalangan warganegara Malaysia, mampu menjadi wadah cerminan literasi, pemahaman dan penghayatan warganegara Malaysia. Hal ini juga signifikan dengan Dasar Perpaduan Negara 2021-2031.

Sumbangan semua warganegara dalam mengisi erti kemerdekaan negara tidak boleh dipandang rendah. Masyarakat majmuk dari pelbagai ras dan keturunan menjadi tonggak pembangunan negara. Dalam menuju dasawarsa yang serba mencabar ini, semua lapisan masyarakat harus mengetepikan perbezaan, sebaliknya mencari titik persamaan agar dapat terus hidup bersatu padu dan harmoni dalam konteks membina keteguhan. Kita perlu mengakui hakikat bahawa Malaysia adalah negara yang memiliki kepelbagaian kaum, budaya dan agama, sekali gus memaksa penduduknya untuk terus menerima perbezaan berkenaan. Senario tersebut seharusnya dipandang sebagai kekuatan dan bukannya satu ancaman.

Sistem pendidikan yang seragam juga perlu dinikmati oleh semua kaum di Malaysia agar tidak ketinggalan daripada acuan pembinaan negara. Ini bertepatan dengan ungkapan Rabindranath Tagore, iaitu "bangunkan dahulu sekolah, sebelum bangunkan bangsa". Sistem pendidikan Rukun Negara berkait dengan perpaduan yang mencerminkan kepelbagaian. Justeru itu, nilai-nilai perpaduan perlu dipupuk agar terus sehati dalam jiwa rakyat Malaysia dan tidak mensia-siakan segala pengorbanan para pejuang terdahulu.

Institusi Diraja di Malaysia mempunyai kepentingan sama ada dari segi nilai kenegaraan dan sejarah. Kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara seperti termaktub dalam Perkara 32 (1) Perlembagaan Persekutuan. Raja Melayu adalah kesinambungan sejarah dan warisan negara serta kewujudannya menjadi sebahagian identiti negara dan dilindungi perlembagaan. Kesinambungan sejarah dan warisan tamadun bangsa yang memberikan kesan positif kepada kestabilan sosial, politik serta ekonomi sesebuah kerajaan yang berdaulat harus dikekalkan. Mantan Perdana Menteri Kedua Malaysia iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, pernah menyatakan bahawa 'Rahsia kesempurnaan Rukun Negara adalah pada amalannya, tanpa amalan, Rukun Negara akan menjadi

secebis dokumen yang tidak mempunyai makna'. Rukun Negara bukan sekadar simbolik tetapi perlu dihayati dan diamalkan dalam kehidupan. Mengupayakan melalui sikap hormat-menghormati dan memahami roh serta semangat Rukun Negara perlu dipugar. Saluran seperti media sosial perlu digunakan sebagai gelanggang untuk membentuk kesepaduan pemikiran dan tindakan. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam prinsip Rukun Negara merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan serta kestabilan Malaysia.

5.7 Mengupayakan Prinsip Rukun Negara

Dalam membina kerukunan bangsa, prinsip Rukun Negara perlu dihayati. Kepercayaan Kepada Tuhan bermaksud agama dijadikan sebagai tunjang dan setiap warganegara perlu memiliki kepercayaan beragama yang positif bagi membina keharmonian antara agama serta kaum. Kesetiaan kepada Raja dan Negara serta institusi Diraja seharusnya dihormati kerana merupakan lambang dan payung kedaulatan negara. Keluhuran Perlembagaan bermaksud bahawa semua warganegara juga perlu akur mengenai semua yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan termasuk soal-hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera, kedudukan raja, bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan serta Islam sebagai agama Persekutuan. Perlembagaan juga meletakkan tanggungjawab dan kewajipan tertentu terhadap bangsa dan negara. Ini juga merupakan satu kontrak sosial berasaskan kompromi antara kaum seperti mana yang terkandung dalam prinsip ketiga.

Keadilan diiasaskan atas Kedaulatan Undang-undang. Perlembagaan memberikan hak kepada seseorang warganegara kebebasan untuk mengeluarkan idea dan berhimpun selagi tidak melanggar undang-undang. Tujuannya ialah untuk membina masyarakat yang aman, stabil dan makmur. Kesopanan dan Kesusilaan perlu diamalkan dan disemat dalam diri setiap orang bagi membentuk individu yang berdisiplin serta berakhlak tinggi sekali gus mewujudkan sebuah masyarakat harmoni seperti mana yang terkandung dalam prinsip Rukun Negara kelima. Rukun Negara mampu menjadi tiang seri dalam melahirkan warganegara yang bermaruah dan beretika demi memelihara keharmonian serta perpaduan kaum. Bayangan kejayaan masa hadapan sesebuah negara bergantung terhadap keupayaan dan kemantapan sistem nilai generasi muda. Pendedahan warganegara Malaysia terhadap prinsip ini merupakan satu dimensi dalam menyemarakkan semangat patriotik sebagai teras kesinambungan merealisasikan sebuah negara impian berpendapatan tinggi berpaksikan Rukun Negara.

5.8 Pemeriksaan Elemen Kewarganegaraan Melalui Subjek Sejarah

Peningkatan kesedaran terhadap kepentingan Rukun Negara secara komprehensif adalah penting bagi mengupayakan lagi tahap kerukunan dan keharmonian dalam negara. Selain itu, memberikan pendedahan awal terhadap pendidikan patriotisme melalui subjek sejarah di sekolah atau institusi pengajian tinggi berupaya melahirkan rakyat yang semakin prihatin untuk memikirkan hal ehwal negara. Setiap proses pembelajaran memerlukan guru dan ibubapa yang bertindak sebagai suri teladan serta pada masa yang sama memberi inspirasi kepada murid. Hal yang demikian berupaya memberikan kesedaran dan matlamat pemupukan nilai patriotisme dapat dilaksanakan (Mohamed Ali Haniffa, 9 September 2023).

Dimensi kewarganegaraan yang perlu diajar kepada murid ialah perkongsian Sejarah, nilai, perasaan kekitaan, masa depan, kesetiaan, tanggungjawab warganegara dan keterikatan emosi kepada negara. Pengintegrasian elemen kewarganegaraan dan penerapan nilai sivik boleh dimantapkan lagi dengan memberi penekanan kepada amalan nilai serta menghubungkan tanggungjawab dan peranan individu, masyarakat serta negara. Masyarakat juga perlu menghindari sifat curiga mencurigai antara satu sama lain. Melestarikan Rukun Negara akan melahirkan masyarakat yang bersatu padu, muhibah tanpa mengira kaum serta bersikap saling menghormati antara satu sama lain. Rukun Negara juga

penting kerana dapat membantu negara mempertingkatkan dan mempergiatkan pertumbuhan ekonomi, mengekalkan kestabilan politik serta sistem pemerintahan negara yang demokratik. Rukun Negara perlu diperkasakan dan dihayati di segenap lapisan Masyarakat (Faezah Kassim, etl. 2022).

6. Kesimpulan

Kompromi yang dilaksanakan adalah menjadi sebahagian daripada usaha dalam menyemai dan membangun akar kerukunan bangsa usai Perang Dunia Kedua. Pada peringkat awal dilihat seperti terlalu mustahil untuk menyemai benih kerukunan dan keharmonian. Usaha semua pihak secara konsisten berupaya dalam mencari penyelesaian bagi membangunkan kerukunan. Usaha yang dilakukan perlu seiring tanpa wujud polarisasi kaum. Orang Melayu yang berpasakkan ketaatan kepada pemerintah berkorban nyawa dan perasaan demi memikirkan kemaslahatan sejagat. Menjelang abad ke-20, Rukun Negara dibentuk yang berpasakkan kepada lima prinsip. Lima prinsip yang terkandung menjadi pasak kekuatan dalam menyatupadukan Masyarakat di Malaysia. Satu kenyataan yang harus diterima ialah, walaupun masyarakat Malaysia bersifat rencam namun mereka tetap bersatu hati dalam mempertahankan tanah air tercinta ini.

7. Rujukan

- Azmi Arifin. (2023). *Feudalisme sejarah dan persejarahan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Abdul Hamid. (2020). *Ngah Ibrahim, jutawan Melayu abad ke-19*. Persatuan Sejarah Malaysia.
- BMA/SCAO.J, 6126/1945 (1) Fortnightly Report No. 3, 14 Oktober 1945.
- CO 537/3759: Political, Dato' Onn's London Visit.
- CO 717/183/2 (48-49), The Communities Liaison Committee And Self-Government.
- CAJ 134/46 (13), Annual Report On Chinese Affairs in Johore For The year 1946. Chinese Political Affairs-Education.
- CAJ 46/46 (14), F/Lt. P.A. Townsend, No. 7, War Crimes Investigation Team Detachment, Supreme Court, Johore Bahru kepada Chinese Civil Affairs Officer, Government Building, Johore Bahru, 3 September 1946.
- CAJ. 35/49 (11), Malayanised Chinese Key To The Future, Malay Mail.
- CO 537/5985 (3A), Inter Communal Relations, Law & Order, Sino-Malay Relations.
- CO 273/675/12 (22), Future Policy New Constitution, Initial Relations With Malay Sultans on The Liberation of Malaya.
- Chamil Wariya. (2008). *50 ikon bangsa*. Unipress Printer Sdn. Bhd., 2008.
- Cecilia Tan. (1986). *Tun Sardon Jubir, his life & times*. Pelanduk Publications.
- Cheah Boon Kheng. (1981). "Sino Malay Conflicts in Malaya, 1945-1946: Communist Vendetta and Islamic Resistance," *Journal of Southeast Asian History*, Volume 12, No. 1.
- DOLP. 60/45, Laporan Lawatan, Joint-Chairman PCRC, Parit, Enc. (19) in Parit, 81/46.
- Faezah Kassim, (2022). "Penerapan Rukun Negara di Institusi Pengajian Tinggi". Dalam *Rukun Negara dan Pancasila ideologi dan amalan*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Hasnah Hussiin. (2022). "Penghayatan etika dan peradaban melalui Rukun Negara". Dalam *Rukun Negara dan Pancasila ideologi dan amalan*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Drabble, John H. (2000). *An economic history of Malaysia, C.1800-1990, the transition to modern economic growth*. St. Martin's Press.
- Khoo Kay Kim. (1984). *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan perkembangan dagang terhadap politik Melayu*. Fajar Bakti.

- Kratoska, Paul, H. (1997). *The Japanese occupation of Malaya 1941–1945*. University of Hawai'i Press.
- MU. SEC. 2037/46 (3), 17 August, MU. SEC. 2037/46 (1), Draft Message From SAC EG The People of Malaya On The Occasion Of Hari Raya Puasa (End Of Mohammedan Fasting Month) About 7th September, 1945.
- MU 620/46 (14A[1]), George Maxwell kepada The Under Secretary of State For The Colonies, 15 March 1946.
- MU. 1227/1947 (1A) Secretary to H.H. The Sultan of Perak Annual Report For 1946.
- Mohd Isa Othman. (2000). *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Utusan Publications & Distributors, Sdn. Bhd..
- Mohamed Ali Haniffa, Ayu Nor Azilah Mohamad & Hafizah Hajimia. (2023). *Perundingan dan persefahaman: Kompromi kaum selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu*. International Journal of Law, Government And Communication (IJLGC), Volume 8 Issue 32, 49-61.
- Mohamed Ali Haniffa. (2016). *Kompromi politik Dato' Onn Jaafar dalam menangani konflik perkauman selepas pendudukan jepun di Tanah Melayu*. Jurnal Perspektif Jil.8 Bil.1, 21-28.
- Mohamed Ali Haniffa. (2022). *Hubungan Melayu Cina selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu, konflik dan kompromi*. UUM Press.
- Mohamed Ali Haniffa. (2022). "Mengupayakan pemahaman Rukun Negara dalam kalangan warganegara Malaysia". Dalam *Rukun Negara dan Pancasila ideologi dan amalan*. Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Haji Salleh dan Abd. Ghapa Harun. (2011). *Biografi Tun Abdul Razak, negarawan dan patriot*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- "Patriotisme tidak perlu tunggu Hari Kebangsaan", *Utusan Malaysia*, Mohamed Ali Haniffa, 9 September 2023.
- Seruan Ra'ayat*, 17 November 1945, 18 November 1945, 29 Disember 1945, 7 Januari 1946
- SUKJ. 6203/1945, Chinese Relief Committee, Muar Kepada The Officer i/n Chinese Affairs, BMA Singapore, 12 November 1945).
- SUK. PK. 703/47 [22]). District And Land Office, Kuala Kangsar, Annual Report For 1946.
- SUKJ. 6203/1945 (58), Surat dari ... (TN) kepada Mr. Sleep, 30 Mac 1946.
- Syonan Sinbun*, 20.6.1943.
- SCAO Pahang, 62/1946 (3), Planters, Miners Arrive From U.K., Pahang BMA Newsweek, 4 January 1946.
- Stockwell, A.J., *British Policy And Malay Politics During The Malayan Union Experiment*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, Monograph No. 8.
- "Tragedi hitam pemerintahan Bintang Tiga", *Mingguan Malaysia*, 11 Mac 1984.
- Vasil, R.K. (1980). *Ethnic politics in Malaysia*, Radiant Publishers.
- WO 172/1778, War Diary .
- WO 172/1795, War Diary.
- WO 172/1796, War Diary.
- WO 172/9773, War Diary.
- WO 203/3994: Intelligence-Malaya (TOP SECRET).